

0000000183

Bilik Sumber  
Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa  
(IKMAS)  
Universiti Kebangsaan Malaysia

KERTAS KERJA IKMAS  
Nombor 3, Julai 1996

**PEKERJA ASING DI MALAYSIA**

Zulkifly Osman  
H. Osman-Rani

Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Malaysia

0000000183

Penulisan ini adalah hasil suntingan beberapa kertas kerja yang telah dibentangkan dalam Siri Forum IKMAS pada 9 Disember 1995 di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dr. Zulkifly Osman ialah Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Dr. Osman Rani Hassan ialah Profesor dan Pengarah, Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa di universiti yang sama.





Siri **Kertas Kerja IKMAS** diterbitkan oleh Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tujuannya ialah untuk sebaran kepada pembaca-pembaca yang berminat. Siri ini memberi penekanan kepada penyelidikan dasar dan gunaan yang relevan kepada pembangunan dan pembentukan bangsa Malaysia.

Antara bidang-bidang penyelidikan termasuklah:

integrasi nasional, wilayah dan antarabangsa  
teknologi dan masyarakat  
gender dan pembangunan manusia  
sejarah dan budaya politik negara bangsa  
agama, etnisiti dan pembangunan

Tujuan utama penerbitan Kertas Kerja IKMAS ialah untuk menyebarkan hasil kajian yang sedang berjalan dan untuk menggalakkan pertukaran idea antara penyelidik-penyelidik dan pembaca-pembaca yang berminat dalam isu-isu yang berkaitan.

Semua Kertas Kerja IKMAS diulas sekurang-kurangnya oleh seorang penilai sebelum diterbitkan. Namun, kandungan penerbitan ini adalah sumbangan penulis dan tidak semestinya membayangkan pendapat dan dasar IKMAS. Semua komen dan saranan boleh disampaikan kepada penulis melalui alamat:

IKMAS, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor



## K A N D U N G A N

I.	Pengantar	1
II.	Undang-undang Imigresen dan Pekerja Asing di Malaysia	5
III.	Masalah Pekerja Asing Dari Perspektif Pekerjaan	11
IV.	Pekerja Asing Di Malaysia: Pandangan Kesatuan Sekerja	14
V.	Tenaga Kerja Indonesia Di Malaysia: Keperluan dan Masalahnya	20



## I. PENGANTAR

**K**EHADIRAN pekerja asing dalam pasaran buruh Malaysia bukan merupakan sesuatu yang baru. Fenomena ini wujud sejak sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan lagi, terutamanya semasa pemerintahan British. Keengganan penduduk tempatan untuk menceburui sektor lain, khususnya sektor perladangan dan perlombongan, selain daripada kegiatan pertanian tradisional, menyebabkan pelabur Inggeris dan pelombong asing menghadapi masalah mendapatkan tenaga kerja pada ketika itu. Keadaan ini memaksa penjajah Inggeris membenarkan dan membawa masuk ramai buruh asing untuk menjadi buruh ladang (ladang tebu, kopi dan getah) dan pekerja lombong bijih timah.

Mengikut rekod kolonial buruh asing, kebanyakan pekerja tadi adalah terdiri daripada rakyat India dari Selatan India dan rakyat negara Cina dari Selatan Cina (khususnya Canton). Kemasukan mereka ini khusus untuk mengerjakan kegiatan ekonomi yang berlainan. Tegasnya, orang-orang Cina ditugaskan di lombong-lombong bijih timah (lihat Fong, 1978) dan kaum India pula ditugaskan untuk bekerja di ladang-ladang getah dan kopi serta sektor pembinaan (lihat Ramachandran, 1994). Pada masa yang sama terdapat juga kedatangan orang Jawa dari Indonesia yang tertumpu dalam kegiatan pertanian yang hampir sama seperti orang tempatan (lihat A. Razak Saleh, 1982).

Nampaknya sejarah berulang kembali. Atas alasan yang serupa, pekerja asing mula membanjiri pasaran buruh negara ini sejak ekonomi Malaysia mencapai tingkat pertumbuhan yang pesat terutamanya sejak akhir-akhir 1980an.

Berlainan sedikit daripada sebelumnya, negara asal buruh asing ini lebih tertumpu kepada negara-negara jiran Malaysia. Paling ramai ialah pekerja dari negara Indonesia. Sejak awal 1990an kedatangan mereka dari negara Bangladesh semakin ramai selain mereka yang datang dari negara Filipina dan Thailand. Bagaimanapun, corak penggunaan buruh asing ini hampir serupa seperti corak taburan kegiatan mereka semasa penjajahan dahulu.

Pekerja Indonesia ramai sekali dalam sektor perladangan dan pembinaan. Bagi pekerja asing Bangladesh, kegiatan mereka lebih tertumpu dalam sektor perkilangan walaupun terdapat sebahagian kecil yang bekerja dalam sektor pembinaan. Kira-kira seprauh daripada pekerja asing di Malaysia kini bekerja dalam sektor pembinaan dan sekitar 80 peratus daripada jumlah pekerja pembinaan ialah pekerja asing. Jumlah pekerja asing sebenarnya tidak begitu jelas.

Corak pengasingan penggunaan buruh asing paling jelas bagi pekerja Filipino. Boleh dikatakan keseluruhan pekerja dari Filipina berada dalam sektor perkhidmatan, khususnya sebagai pembantu rumah. Sekali gus, mudah sekali untuk kita mendapatkan gambaran tentang jantina pekerja berkenaan. Disebabkan ramai pekerja dari negara Filipina terdiri daripada pekerja wanita, maka dominansi kedatangan pekerja asing ke negara ini tidak hanya terbatas kepada pekerja lelaki semata-mata, seperti yang jelas bagi pekerja dari Bangladesh dan Indonesia. Namun terdapat juga ramai wanita Indonesia bekerja sebagai pembantu rumah.

Oleh sebab kurangnya penulisan terhadap kedatangan pekerja asing dalam masa penjajahan dahulu dan mungkin kerana kurangnya saingan malah hubungan mereka dengan pekerja dan penduduk tempatan, maka umumnya isu tentang kedatangan pekerja asing tidak banyak menimbulkan masalah. Namun begitu, ini tidak bererti kedatangan mereka dahulu, langsung tidak menimbulkan sebarang masalah. Malahan, agihan pekerja asing mengikut sektor sebelum ini telah menimbulkan suatu implikasi besar terhadap agihan penggunaan buruh mengikut kaum yang sering dikatakan sebagai faktor utama yang menyebabkan perpaduan kaum di negara ini begitu longgar (lihat Zainudin Salleh dan Zulkifly Osman, 1982).

Dalam konteks semasa, dirasakan perkara ini tidak akan timbul. Ini adalah kerana kedatangan pekerja asing semasa lebih merupakan usaha sementara bagi mengatasi masalah kekurangan buruh yang dihadapi oleh Malaysia sekarang (Zulkifly Osman, 1995). Bagaimanapun, disebabkan penggunaan mereka, terutama sekali pekerja asing yang datang secara tanpa izin telah menimbulkan banyak masalah berhubung dengan sosio-politik-ekonomi negara ini. Akibatnya kedatangan dan penggunaan pekerja asing dalam konteks semasa telah menimbulkan isu yang agak berlainan. Dari satu segi tanpa pekerja asing pembangunan ekonomi, Malaysia akan terjejas akibat daripada kekurangan pekerja dan kos buruh yang meningkat. Pekerja asing merupakan sumber penting untuk mempertahankan kenaikan kos pengeluaran. Namun begitu kerajaan cuba mengawal kemasukan pekerja asing kerana takut menimbulkan kesan sosial (terutamanya jika ekonomi mula merosot), kenaikan upah pekerja tempatan boleh terbantut dan melambatkan proses peningkatan teknologi pengeluaran. Banyak sekali isu yang timbul mencakupi bukan sahaja aspek ekonomi, malah politik dan sosio-budaya negara ini. Malah bagi negara pembekal pekerja, adalah tanggungjawabnya untuk memelihara dan melindungi kesejahteraan dan hak pekerja-pekerja mereka. Majikan pula perlu mendapat dan melatih pekerja-pekerja dan seringkali menghadapi persaingan antara mereka untuk mendapatkan pekerja asing ini. Ini merupakan antara isu utama yang cuba dikupas dan dicari penyelesaiannya dalam bengkel sehari tentang pekerja asing di Malaysia.

Terdapat lima orang pembentang kertas kerja yang telah membentangkan kertas kerja masing-masing dalam bengkel berkenaan. Cuma empat yang dibincangkan di sini berasaskan kesediaan kertas kerjanya. Walaupun tumpuan atau isu setiap satu kertas kerja berkenaan agak berbeza, namun fokus perbincangan tetap sama, iaitu isu tentang penggunaan pekerja asing.

Bagi pihak kesatuan sekerja seperti yang dinyatakan dalam kertas kerja Arunasalam, pendirian kesatuan terhadap pekerja asing adalah jelas. Kesatuan sekerja tidak bersetuju dengan penggunaan pekerja asing dalam pasaran buruh negara ini. Bagaimanapun, kesatuan sekerja terpaksa akur dengan dasar kerajaan membenarkan penggunaan pekerja asing dalam sektor-sektor tertentu ekonomi negara ini. Oleh itu, untuk memastikan kesejahteraan pekerja tempatan sebagai objektif utama penubuhan kesatuan sekerja, maka layanan sama kepada pekerja asing amat perlu. Besertakan motif terselindung supaya kekuatan kesatuan sekerja tidak terjejas, dicadangkan kelonggaran buruh asing (walaupun dari segi undang-undang tidak ada halangan) bagi menyertai kesatuan sekerja. Ini dianggap sebagai satu-satunya cara terbaik bagi mengurangkan kecenderungan majikan menggantikan pekerja tempatan dan sekali gus melindungi kepentingan kedua-dua kumpulan pekerja tersebut.

Sentimen yang serupa diutarakan oleh wakil dari kedutaan Indonesia. Bagaimanapun, kepentingan utamanya di sini lebih tertumpu kepada kebajikan pekerja-pekerja asing dari Indonesia. Selain membincang tentang soal dasar kerajaan Indonesia terhadap pekerja asing, soal eksploitasi juga turut menjadi tumpuan utama. Cadangan mengurangkan eksploitasi ini bukan sahaja terbatas kepada bagi pihak majikan tetapi melibatkan juga peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa Malaysia. Peraturan berkenaan ialah tentang pengutipan levi. Levi yang dikutip oleh pihak berkuasa dikatakan membebaskan belanjawan pekerja asing. Oleh itu, dicadangkan supaya levi yang dikenakan oleh pihak berkuasa kepada pekerja asing dikurangkan jika tidak dihapuskan. Dengan berbuat demikian dalam masa yang sama masalah pengaliran masuk pekerja tanpa izin dapat dikurangkan dan sekali gus mengurangkan eksploitasi majikan terhadap berkenaan.

Sebenarnya masalah eksploitasi tidak sepatutnya timbul. Ini adalah kerana, mengikut Wahab, semua pekerja sama ada tempatan atau asing adalah dilindungi oleh undang-undang buruh yang terdapat di negara ini. Tegasnya, perlindungan kepentingan pekerja seperti yang terdapat dalam peruntukan-peruntukan undang-undang buruh negara ini juga terpakai bagi buruh asing. Cuma yang perlu, pekerja asing ini haruslah datang secara sah dan mempunyai pas lawatan yang membenarkan mereka bekerja di negara ini. Untuk dianggap sah maka mereka haruslah mematuhi syarat-syarat

yang diperuntukkan dalam undang-undang dan peraturan imigresen negara ini. Peraturan berkenaan dan prosedurnya adalah seperti yang dihuraikan dalam kertas kerja pihak Imigresen oleh Ketua Pengarahnya.

Sebagai rumusan, paling jelas masalah yang timbul berhubung dengan pekerja asing termasuk soal eksploitasi adalah berpunca daripada kedatangan mereka secara beramai-ramai dalam bentuk pekerja asing tanpa izin. Ini bererti bahawa penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas amat perlu di sini bagi membentersanya. Paling jelas ianya memerlukan kepada suatu prosedur bagi memudahkan pendaftaran dan penghantaran masuk buruh berizin yang amat memerlukan kerjasama erat kesemua pihak yang terlibat, termasuk pihak berkuasa negara pengeksporth.

### **Rujukan**

- A. Razak Saleh, 1982. *"Sejarah Kedatangan Kiayai Salleh dan Orang Jawa Sebagai Buruh dan Penempatan Masyarakat Jawa di Temoh"* dalam Kratoska (sun.), **Esei Sejarah Malaysia**, Penang:USM.
- Fong, Leong Yee, 1978. *"Permulaan Kesedaran Perburuhan di Tanah Melayu 1920-1940"* Kertas kerja dalam **Kongres Sejarah Malaysia**, Bangi:UKM (10-12 April).
- Ramachandran S., 1994. **Indian Plantation Labour in Malaysia**, Kuala Lumpur: S.A. Majeed Co.
- Zainuddin Saleh & Zukifly Osman, 1982. *"The Economic Structure"* dalam E.K. Fisk & H.Osman-Rani, (ed.), **The Political Economy of Malaysia**, K.L.: Oxford University Press.
- Zulkifly Osman, 1995. *"Kekurangan Pekerja dan Kelestarian Sektor Pertanian"*, dalam N. Hashim Mustapha & M. Fauzi M. Jani, (sunt.), **Pembangunan Pertanian Lestari**, Bangi: Penerbit UKM.



## II. UNDANG-UNDANG IMIGRESEN DAN PEKERJA ASING DI MALAYSIA\*

**K**ERTAS KERJA ini terbahagi kepada tiga bahagian seperti berikut:

- (i) perbincangan sepintas lalu mengenai sejarah dan statistik pekerja asing di Malaysia.
- (ii) perbincangan tentang undang-undang imigresen di Malaysia.
- (iii) perbincangan tentang dasar pengambilan pekerja asing. Harus dijelaskan disini bahawa pekerja asing dalam konteks ini tidak termasuk Pegawai Dagang.

### *Sejarah dan Statistik Pengambilan Pekerja Asing*

Kedatangan Pekerja Asing ke Malaysia telah bermula pada tahun 1970an lagi, iaitu secara kecil-kecilan. Kerajaan mula mengiktiraf keperluan ini dengan mengeluarkan pas-pas kerja sementara pembantu rumah dari Filipina dan Indonesia pada tahun 1982 dan pekerja-pekerja lain mulai tahun 1985. Pengeluaran Pas-Pas Lawatan Kerja Sementara berterusan sehingga tahun 1991. Pada tahun 1992, oleh kerana terdapat terlalu ramai Pekerja-Pekerja Asing Tanpa Izin (PATI) kerajaan telah mengambil langkah untuk mendaftar semua PATI. Lebih kurang 420,000 PATI telah didaftar dan daripada jumlah ini seramai 220,000 telah diberi Pas Lawatan Kerja Sementara pada tahun 1992. Pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara bagi PATI yang telah mendaftar diteruskan sehingga 1hb. Julai. Jumlah Pas-Pas Lawatan Kerja Sementara terkumpul yang telah dikeluarkan sehingga bulan Ogos 1995 adalah lebih dari 550,000.

### *Undang-Undang Imigresen Mengenai Pekerja Asing*

Dengan keputusan kerajaan membenarkan orang asing bekerja sebagai pekerja (pegawai dagang telah dibenarkan sejak awal tahun

---

\* Dibentang oleh Dato' Zakri bin Abdul Rashid, Ketua Pengarah Imigresen Malaysia

1960an) Jabatan Imigresen dengan panduan Kementerian Dalam Negeri telah menggubal mekanisme dan sistem pengambilan pekerja asing berlandaskan undang-undang dan Peraturan Imigresen yang sedia ada.

Undang-undang dan peraturan berikut telah diguna pakai untuk tujuan di atas:

(i) *Keperluan Visa*

Mengikut Seksyen 2(1) Akta Pasport 1966, setiap orang asing yang memasuki Malaysia dikehendaki pasport atau dokumen perjalanan. Di samping itu, warganegara asing perlu mempunyai visa (melainkan warganegara Commonwealth (tidak termasuk negara-negara sub-continent India) dan negara-negara lain seperti Letchienstien, Netherlands, San Morino dan Switzerland) untuk tujuan masuk dan bekerja di Malaysia. Keperluan ini perlu diikuti oleh setiap pekerja asing yang masuk ke Malaysia. Keperluan ini perlu diikuti oleh setiap pekerja asing yang masuk ke Malaysia. Perlu diterangkan visa adalah kebenaran untuk masuk sahaja. Visa tidak mengandungi kebenaran untuk tinggal bagi apa-apa tujuan di Malaysia. Kebenaran untuk tinggal bagi apa-apa tujuan dinyatakan dalam pas-pas tertentu. Bagi pekerja asing kebenaran tinggal untuk bekerja adalah dalam Pas Lawatan Kerja Sementara. Bagi pekerja asing yang telah dibenarkan bekerja di Malaysia mengikut dasar pada masa ini, mereka perlu Visa dan Pas Lawatan Kerja Sementara untuk masuk, tinggal dan bekerja di Malaysia.

(ii) *Pas Lawatan Kerja Sementara*

Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dikeluarkan di bawah peraturan 8 (1) (c) dan peraturan 11 (6) Peraturan Imigresen 1966. Dalam peraturan ini, orang asing dibenarkan masuk ke Malaysia dengan tujuan lawatan untuk kerja sementara. Tiap-tiap Pas Lawatan Kerja Sementara yang dikeluarkan tidak boleh melebihi 12 bulan. Bagaimanapun ianya boleh diperbaharui dari setahun ke setahun hingga 5 tahun, melainkan pembaharuan (PLKS) bagi pembantu rumah tidak dikena had maksima tetapi tertakluk kepada budibicara Ketua Pengarah Imigresen.

(iii) *Kutipan Levi*

Levi mula dikutip oleh Jabatan Imigresen mengikut Akta Fee 1951 Pas Pengajian, Pas lawatan Kerja Sementara dan Pas Kerja Pindaan 1992. Kadar levi pada masa ini (1995) adalah seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Kadar Levi**

Sektor	Pekerja Tidak Mahir (RM/bulan)		Pekerja Separuh Mahir (RM/bulan)		Pekerja Mahir (RM/bulan)	
	Hingga '95	Mulai '96	Hingga '95	Mulai '96	Hingga '95	Mulai '96
Pertanian/estate	25	25	45	90	60	120
Pembinaan dan Perkilangan	35	70	50	100	75	150
Lain-lain Sektor (Perkhidmatan)	30	60	45	90	60	120
Pembantu Rumah	30	30	-	-	-	-

Dalam pembentangan Belanjawan 1996 baru-baru ini kadar ini dicadang untuk dinaikkan sekali ganda melainkan bagi sektor pertanian ladang (estate) dan sektor pembantu rumah. Kadar baru ditunjukkan dalam Jadual 1.

(iv) *Kesalahan-kesalahan Dan Hukuman*a) *Kesalahan Majikan*

Setiap orang yang melindungi (harbour) seseorang yang diketahuinya atau ada sebab untuknya mempercayai yang orang itu telah melanggar Akta Imigresen adalah menyalahi Seksyen 56(1) (d) Akta Imigresen 1959/963. Mengikut undang-undang ini, adalah menjadi kesalahan bagi seorang majikan mengambil bekerja pekerja asing tanpa izin. Mengikut Seksyen 57 jika pekerja berkenaan ditangkap ditempat kerja majikan atau apa-apa bangunan majikan, majikan berkenaan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dikenakan hukuman

penjara tidak melebihi dari pada 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Pekeliling Imigresen Malaysia Bil. 5/94 pula telah meminda bagi kesalahan 56(1)(d) amaun kompaun boleh dikenakan sebanyak RM3,000 bagi setiap orang yang dilindungi.

Selain daripada itu mengikut Akta Pasport 1966, Seksyen 12(9) adalah menjadi kesalahan bagi majikan menyimpan pasport-pasport pekerja asing. Hukuman maksimum bagi kesalahan ini adalah denda tidak melebihi RM10,000 atau 5 tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

b) Kesalahan Pekerja Asing

Pekerja-pekerja asing boleh dianggap melakukan kesalahan-kesalahan mengikut seksyen dan peraturan berikut:-

- |      |                       |   |   |
|------|-----------------------|---|---|
| i)   | Tinggal Lebih Masa    | - | Seksyen 15(1)(C)<br>15(H) Akta Imigresen<br>1959/63 |
| ii)  | Masuk Tanpa Pas       | - | Seksyen 6(1)(C)<br>Akta Imigresen<br>1959/63        |
| iii) | Memiliki Pas Palsu    | - | Seksyen 56(1)(L)<br>Akta Imigresen<br>1959/63       |
| iv)  | Melanggar Syarat Pas- |   | Peraturan 39(b)<br>Peraturan Imigresen 1963         |

Hukuman bagi (I), (ii) dan (iii) adalah denda tidak melebihi RM10,000 atau 5 tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Hukuman bagi (iv) adalah denda tidak melebihi RM1,000 atau 6 bulan penjara atau kedua-duanya sekali.

Hukuman kompaun bagi kesalahan (I), (ii) dan (iii) adalah tidak melebihi RM3,000. Bagi kompaun kesalahan (iv) pula kompaunnya tidak melebihi RM300.

### ***Kuasa Ketua Pengarah Untuk Melarang Kemasukan Atau Membatalkan Mana-mana Pas Atau Permit***

Semua undang-undang dan Peraturan Imigresen yang dibincang di atas tertakluk kepada Seksyen 9 Akta Imigresen 1959/1963 di mana Ketua Pengarah Imigresen boleh melarang kemasukan atau membatalkan mana-mana Pas atau Permit yang menurut budibicaranya atas sebab-sebab di dalam seksyen dan sub seksyen tersebut yang merangkumi ancaman terhadap ketenteraman awam, keselamatan awam, kesihatan awam atau kemoralan di negara ini.

Bagaimanapun mengikut Seksyen 9 (8) Akta yang sama jika ada pihak yang tidak berpuas hati mengenai tindakan di atas, mereka boleh merayu kepada Menteri Dalam Negeri.

### ***Dasar Mengenai Pekerja Asing***

Sebelum PLKS pekerja asing dapat dikeluarkan, setiap majikan perlu memohon kelulusan menggaji pekerja asing daripada Jawatankuasa Pengambilan Buruh Asing (JKPBA) yang telah diwujudkan pada tahun 1992. Pada masa ini, urusetia JKPBA adalah Pasukan Petugas Pekerja Asing (PPPA).

Kelulusan Pengambilan Pekerja Asing bergantung kepada perkara-perkara berikut:-

- a) Keperluan pekerja asing - pandangan Jabatan Tenaga Rakyat diperlukan
- b) Prestasi Syarikat
- c) Kedudukan modal yang meyakinkan
- d) Dokumen-dokumen sokongan seperti *purchase order*, *contract* dan sebagainya.
- e) Kaitan dengan Projek-projek Pembangunan Kerajaan
- f) Syarat-syarat lain yang difikirkan perlu

Dalam prosedur dan kemanisme terbaru, Peraturan 'Government to Government' telah diwujudkan. Dalam mekanisme baru ini PPPA telah mengambil alih peranan agensi

di Malaysia. Dengan itu untuk mendapatkan kelulusan menggaji pekerja asing majikan hanya berurusan secara terus dengan PPPA bagi permohonan mereka dimajukan kepada JKPBA untuk pertimbangan. Di samping itu, PPPA juga, bertanggungjawab berurusan dengan agensi tunggal negara-negara pembekal pekerja asing untuk memberitahu kelulusan pengambilan pekerja asing dan dengan pejabat Perwakilan Malaysia untuk urusan visa. Selain daripada itu, setelah mendapat kelulusan JKPBA, majikan mempunyai pilihan mendapatkan perkhidmatan PPPA untuk mendapatkan pekerja asing dari luar negara atau berurusan secara bersendirian dengan agensi tunggal negara pembekal untuk pengambilan pekerja asing. Urusan menerima bayaran levi, jaminan bank untuk *security bond*, endos (\*PLKS) di pintu masuk dan pengeluaran Kad MRC adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Imigresen.

### ***Kesimpulan***

Dalam masa kurang dari 12 tahun, negara kita telah mengalami banyak perubahan menguruskan keperluan tenaga kerja asing yang disebabkan kurangnya bekalan tenaga manusia tempatan. Undang-undang, peraturan mekanisme, sistem telah diubah dan dikaji untuk bersesuaian dengan kehendak semasa. Usaha ini akan diteruskan untuk memastikan keperluan dipenuhi dan keselamatan terjamin.

### III. MASALAH PEKERJA ASING DARI PERSPEKTIF PEKERJAAN\*

#### *Latar Belakang*

**K**ERTAS KERJA ini adalah bertujuan untuk memaklumkan tentang masalah-masalah berkaitan dengan pengajian pekerja asing di Malaysia.

Sejak Jabatan Buruh ditubuhkan pada tahun 1912, peranan utamanya sehingga ini masih kekal, iaitu untuk melindungi pekerja daripada dieksploitasi dan diskriminasi oleh majikan. Pelbagai Undang-undang Buruh telah digubal dan dikemaskini dari masa ke semasa dengan memasukkan peruntukan-peruntukan bagi menjamin hak-hak pekerja sentiasa terpelihara di bawah undang-undang. Di samping itu, dipastikan juga bahawa pelaksanaan undang-undang tersebut tidak akan menghalang pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara. Peranan Jabatan ini menjadi semakin mencabar akibat perubahan baru yang wujud dalam pasaran buruh Malaysia. Era pengangguran di negara ini telah berakhir sejak akhir tahun lapan puluhan. Dengan kadar pertumbuhan ekonomi yang sangat menggalakkan, iaitu melebihi 8 peratus setahun sejak 1987, negara Malaysia pada masa ini sedang mengalami keadaan kekurangan tenaga pekerja. Jika sebelum tahun-tahun 1980an negara ini terkenal sebagai sebuah negara yang mempunyai tenaga pekerja tempatan yang terdiri daripada berbilang kaum, iaitu kaum Melayu, Cina dan India tetapi kini ia lebih terkenal sebagai sebuah negara di Asia Tenggara yang mempunyai tenaga pekerja yang terdiri dari berbilang negara, iaitu pekerja Indonesia, Bangladesh, Thailand, Filipina dan beberapa negara lain.

#### *Pentadbiran Perburuhan*

Dalam usaha menjaga dan memberi perlindungan kepada para pekerja di negara ini Jabatan Buruh menguatkuasakan pelbagai Undang-undang Buruh seperti berikut:-

- i) Akta Kerja, 1955
- ii) Akta Standard-Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Asas 1990
- iii) Akta Pampasan Pekerja, 1952

---

\* Dibentang oleh En. Wahab Salleh, Pengarah Kanan Buruh, Ibu Pejabat Jabatan Buruh, Semenanjung Malaysia

- iv) Akta Majlis Penetapan Gaji, 1947
- v) Akta Penggajian Kanak-Kanak Dan Orang Muda, 1966
- vi) Akta Cuti Mingguan 1950
- vii) Akta Maklumat Pekerjaan, 1953
- viii) South Indian Labour Fund Ordinance, 1958

Di Malaysia, Undang-Undang Buruh menjamin perlindungan kepada semua lapisan pekerja, sama ada pekerja tempatan atau pekerja asing.

Dengan kemasukan pekerja asing ke negara ini, sekali gus masalah perburuhan yang berkaitan dengan pekerjaan tentu sekali akan wujud. Antaranya beberapa masalah yang telah dikenalpasti adalah berpunca daripada dua sumber berikut:-

- a) Sumber pertama: Masalah yang ditimbulkan oleh agensi pekerjaan di negara asal pekerja asing, dan
- b) Sumber kedua: Masalah yang timbul setelah pekerja asing memulakan pekerjaan di negara ini.

a. *Jenis-Jenis Masalah Sumber Pertama*

- Percanggahan kontrak/perjanjian yang ditandatangani oleh pekerja asing dengan agensi pekerjaan di negara asal mereka berhubung dengan gaji, lokasi tempat kerja, kemudahan dan lain-lain.
- Kesesuaian jawatan - pekerja asing mulai mendapati bahawa pekerjaan yang akan dilakukan tidak sesuai dengan kehendak mereka. Misalnya, pekerja-pekerja asing ditawarkan untuk bekerja di ladang getah sedangkan mereka tidak pernah membuat kerja-kerja tersebut.
- Harapan yang tinggi - ramai pekerja-pekerja asing mengharapkan bahawa di negara ini mereka akan bekerja di dalam kilang-kilang yang berhawa dingin, disediakan dengan tempat tinggal serta segala kemudahan.
- Masalah yang melibatkan agama - pekerja-pekerja yang dihantar bekerja, terutamanya pembantu rumah diletakkan bekerja dengan majikan yang berlainan agama. Contohnya, pekerja pembantu rumah Islam daripada negara Indonesia diletakkan bekerja di rumah orang bukan Islam.



b. *Jenis-Jenis Masalah Sumber Kedua*

- Tidak berpuashati dengan masa bekerja yang ditetapkan - Ada di antara pekerja asing ingin bekerja lebihmasa yang berlebihan tiap-tiap hari. Sementara itu, sesetengah pekerja lain pula ingin bekerja hanya 8 jam atau kurang 8 jam sehari,
- Tidak berpuashati dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan,
- Tidak berpuashati dengan syarat-syarat pekerjaan yang ditetapkan oleh majikan,
- Enggan memberi kebenaran kepada majikan untuk memotong gaji bagi maksud pembayaran levi, pas kerja dan lain-lain perbelanjaan,
- berpindah pekerjaan dari majikan asal kepada majikan bagu sesuka hati,
- Mengganggu pekerja-pekerja dan orang tempatan dan akhirnya menimbulkan masalah sosial.

Dalam usaha menangani permasalahan yang timbul Jabatan Buruh di bawah Kementerian Sumber Manusia telah menggiatkan aktiviti pemeriksaan di tempat-tempat pekerjaan, menjalankan aktiviti di bawah program pendidikan termasuk melibatkan kedutaan-kedutaan asing yang mempunyai rakyat mereka bekerja di negara ini. Ini dilakukan melalui siri-siri penerangan tentang hak-hak pekerja dan tanggungjawab majikan, penggunaan talian Telekerja 'Hotline' keseluruh negara dan rundingan berkala dengan pihak Kerajaan negara asing yang mempunyai rakyat mereka bekerja di negara ini. Kesemuanya ini dilaksanakan dengan tujuan untuk menjamin kesejahteraan semua pekerja di negara ini.

***Penutup***

Pihak Kerajaan sentiasa peka dan prihatin terhadap permasalahan pekerja asing di negara ini dan menganggap bahawa setiap masalah mereka perlu diselesaikan dengan serta merta bagi mewujudkan iklim perhubungan yang sihat dan harmoni, di samping menjaga nama baik Kerajaan dan negara ini

#### IV. PEKERJA ASING DI MALAYSIA : PANDANGAN KESATUAN SEKERJA \*

##### *Pengenalan*

**P**ERTUMBUHAN teguh ekonomi Malaysia sejak tujuh tahun lalu telah membawa banyak perubahan terhadap keadaan gunatenaganya. Dalam sektor seperti perladangan, pembinaan, perkilangan dan perkhidmatan nampaknya permintaan terhadap pekerja mahir dan tidak mahir telah meningkat dengan pesat. Persoalannya: adakah benar Malaysia menghadapi masalah kekurangan buruh yang serius? Jawapan kepada persoalan ini terletak kepada pihak berkuasa.

Bagaimanapun, majikan umumnya telah berjaya meyakini pihak kerajaan supaya membenarkan pengambilan pekerja asing bagi mengatasi pernyataan kekurangan tadi. Satu anggaran menunjukkan lebih daripada 1.5 juta pekerja asing bekerja di Malaysia pada masa ini. Dalam bulan Jun, 1992, bilangan pekerja asing berdaftar berada dalam lingkungan 400,00 orang. Ini bererti bakinya yang jauh lebih besar merupakan pekerja tanpa izin.

##### *Isu dan Masalah Berkaitan Dengan Kedatangan Pekerja Asing*

Di awal tahun 1970an, keseluruhan pekerja asing adalah dari Indonesia dan Filipina. Bagaimanapun, dalam tahun-tahun terakhir ini, rakyat negara Myanmar, Thailand, Bangladesh, Pakistan, India, Sri Langka, Vietnam, China, Australia, Britain dan Ghana, sama ada datang secara sah atau tanpa izin, turut diambil bekerja dalam pekerjaan tak mahir, separa mahir, mahir dan profesional di negara ini. Namun begitu, kebanyakan mereka adalah pekerja tak mahir. Pada mulanya, mereka dibenarkan bekerja hanya dalam sektor perladangan dan pembinaan serta sebagai pembantu rumah. Bagaimanapun, akhir-akhir ini, kerajaan telah membenarkan mereka untuk diambil bekerja dalam industri perkilangan dan perkhidmatan. Implikasi kepada pergerakan kesatuan sekerja amat penting atas sebab yang akan dibincangkan nanti.

Selain pelbagaian jenis pekerjaan, peratusan mengikut jantina juga telah berubah. Semakin ramai pekerja wanita telah diambil bekerja terutamanya dalam industri perkilangan, perkhidmatan dan sebagai

---

\* Dibentang oleh En. Arunasalam, Setiausaha Agung, Persatuan Pekerja-pekerja Perusahaan Letrik Malaysia

pembantu rumah. Hasil perkembangan ini, dianggarkan bahawa di Malaysia hari ini, bagi setiap 7 orang pekerja tempatan seorang daripadanya adalah pekerja asing. Dengan bangga, pihak berkuasa berhujah bahawa perkembangan ekonomi Malaysia telah menarik pekerja asing ke sini yang dikatakan beratur untuk mendapatkan pekerjaan di negara ini. Di pihak lain, pihak yang sama, gagal menangani isu dan masalah yang ditimbulkan hasil kedatangan pekerja asing ini. Sebahagian daripada isu dan masalah ini dapat disenaraikan seperti berikut:

- Gunatena pekerja asing boleh menyekat peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dalam jangka panjang. Majikan akan lebih gemar mengguna pekerja asing yang dikatakan lebih murah dan mudah diarah berbanding dengan pekerja tempatan.
- Saingan upah murah daripada pekerja asing akan mengurangkan kekuatan tuntutan bersama untuk meningkatkan upah dan syarat pekerjaan dalam sektor berkesatuan.
- Pekerja asing sering dieksploitasi. Selalunya dibayar dengan gaji rendah dan dipaksa membuat kerja-kerja berat serta masa kerja yang lama tanpa menghiraukan kesihatan dan keselamatan mereka.
- Pekerja asing selalunya dieksploitasi majikan dan menjadi mangsa agensi pembekalnya.
- Pekerja asing boleh menggugat keselamatan negara. Kehadiran pekerja tanpa izin, umpamanya, menimbulkan persoalan tentang kemungkinan Malaysia tidak lagi dapat mengawal sempadannya.
- Kedatangan beramai-ramai pekerja asing telah meningkatkan masalah sosial dan kejadian jenayah. Rasuah merupakan satu lagi perkara yang mendapat perhatian implikasinya.
- Kedatangan beramai-ramai pekerja asing boleh mengancam kesihatan penduduk Malaysia kerana ada di antara mereka merupakan pembawa penyakit berjangkit seperti thyphoid, malaria, polio, filariacing, leprosy, batuk kering dan aids.
- Pekerja asing juga boleh membebankan sistem rawatan kesihatan di Malaysia. Pekerja asing yang memenuhi hospital-hospital ini tentu sekali akan membebankan perbelanjaan kerajaan dan pembayar cukai daripada mendapatkan rawatan kesihatan yang sempurna.
- Setengah pekerja asing membawa bersama keluarga mereka. Pada tahun 1992 (STAR, 12 Mei 1994) dilaporkan lebih daripada 40,000 anak-anak pekerja asing yang bersekolah di Malaysia. Ini bererti

perbelanjaan kerajaan terpaksa ditambah bagi memenuhi keperluan ini. Ertinya, lebih banyak lagi sekolah, bilik darjah dan guru diperlukan bagi memenuhi keperluan ini.

- Para peniaga runcit tempatan juga menghadapi saingan sengit daripada pekerja asing yang memungkinkan mereka terpaksa berhenti berniaga.
- Wujudnya rasa kurang senang di kalangan penduduk tempatan terhadap pekerja Indonesia yang mendapatkan kerakyatan Malaysia dengan berbagai cara.
- Wujud perkampungan pekerja asing di setiap kawasan dan keadaan kehidupan mereka amat menyedihkan. Kadang-kadang seramai 6 orang pekerja dihipitkan dalam sebuah bilik yang disediakan oleh majikan di kawasan pembinaan.
- Pekerja asing juga menyebabkan peningkatan inflasi di Malaysia. Inflasi sifar tidak mendapat perhatian memandangkan ia tidak memberi apa-apa erti kepada mereka. Malahan harga makanan dan sewa meningkat disebabkan kehadiran mereka secara beramai. Keadaan ini juga menyukarkan penduduk tempatan mendapatkan rumah sewa. Rumah murah yang dibina untuk penduduk tempatan dilaporkan disewa kepada pekerja asing.
- Sejumlah besar wang dibawa keluar oleh pekerja asing ke negara masing-masing merupakan sumber bocoran bagi ekonomi negara ini. Dalam tahun 1994 umpamanya, dianggar sejumlah RM2.4 billion telah dihantar keluar oleh sejumlah 1 juta orang pekerja asing.

Ini hanya merupakan sebahagian daripada isu-isu dan masalah-masalah utama yang berkaitan dengan kedatangan beramai-ramai pekerja asing ke negara ini.

### ***Cadangan Menangani Masalah***

- Kerajaan harus menggariskan dasar yang jelas terhadap pekerja asing jika diyakini bahawa wujudnya kekurangan pekerja tempatan.
- Pekerja asing harus didaftar, diurus dan dikuatkuasakan pengurusannya dengan sempurna.
- Pengendalian pengambilan secara langsung melalui kerajaan dengan kerajaan harus diwajibkan. Kegiatan agensi dan pembekal buruh lain dalam hal ini diberhentikan.

- Pasukan petugas harus meneliti setiap permohonan bagi mendapatkan pekerja asing dan segala kegiatan pasukan ini harus juga dikawal.
- Kerajaan patut meningkatkan kawalan keselamatan di kawasan sempadan dan di semua pintu masuk ke negara ini.
- Kerajaan harus mengenakan denda yang tinggi ke atas orang yang membawa masuk, mengguna dan melindungi pekerja asing tanpa izin.
- Pekerja asing harus menjalani ujian kesihatan yang lebih sempurna sebelum dibenarkan masuk ke Malaysia.
- Kerajaan harus juga menapis setiap pekerja asing bagi mengelak sebarang kemungkinan ia terlibat dengan kegiatan jenayah di negara asal.
- Kerajaan harus juga mewujudkan kaedah kawalan pergerakan pekerja asing, umpamanya daripada satu pekerjaan ke pekerjaan lain.
- Di dalam sektor ekonomi yang mudah mendapatkan pekerja tempatan, kerajaan harus menyekat terus pengambilan pekerja asing.

Setelah melihat isu, masalah, dan pandangan cadangan terhadap pengambilan pekerja asing, ada pentingnya juga cadangan seterusnya dibuat bagi memperbaiki syarat dan keadaan pekerjaan pekerja asing.

#### ***Keadaan Pekerjaan Pekerja Asing***

- Salah satu hak asasi pekerja ialah hak mereka untuk memilih menganggotai dan menubuh kesatuan sekerja. Dalam hal ini, pekerja asing harus diberi kebebasan untuk menyertai kesatuan sekerja dan, dalam apa jua keadaan, hak ini sama ada secara pentadbiran atau paksaan tidak harus diketepikan.
- Pekerja asing harus dibayar upah sama dan terma serta keadaan pekerjaan yang serupa seperti pekerja Malaysia. Mereka juga harus menikmati faedah pekerjaan seperti yang diperuntukkan dalam undang-undang buruh.
- Majikan harus menanggung kesemua kos sosial berhubung dengan penggunaan dan pengambilan pekerja asing. Levi ke atas pekerja asing harus dibayar oleh majikan dan dalam sebarang keadaan ia tidak boleh ditolak daripada pendapatan mereka yang sedia rendah.

- Caruman dengan KWSP dan SOCSO harus diwajibkan.
- Pekerja asing harus juga membayar cukai.
- Tabung khas perlu ditubuhkan dan dibiayai oleh pihak majikan dengan tujuan perkhidmatan untuk digunakan bagi perbelanjaan penghantaran pulang pekerja asing yang telah tamat tempoh kontrak mereka.
- Majikan yang menggaji pekerja asing harus menyediakan tempat tinggal yang sempurna kepada pekerja ini. Dengan ini, kawasan-kawasan setinggan yang tidak teratur dan kotor dapat dikurangkan serta seterusnya dapat mengawal penyebaran penyakit.

### **Rumusan**

Sebagai rumusan, kesatuan sekerja umumnya menentang pengambilan dan penggunaan pekerja asing. Bagaimanapun, kerana kerajaan membenarkan pekerja berizin untuk bekerja di sini, pihak kami tidak ada pilihan lain selain meminta supaya pekerja ini diberi kemudahan dan syarat pekerjaan menikmati upah yang sama seperti pekerja tempatan.. Mereka harus dibenarkan menyertai kesatuan sekerja dan ini dapat menjamin mereka daripada dieksploitasi.

Pandangan kami juga bahawa kerajaan harus sedar, pengambilan pekerja asing dengan upah murah melalui proses penawaran dan permintaan akan menekan kenaikan upah dan akhirnya memungkinkan wujudnya masalah kepada penduduk tempatan. Arah aliran ini jika tidak disekat bendung boleh menimbulkan implikasi serious terhadap keadaan sosio-ekonomi negara ini. Ia bahaya kepada politik dan perkara-perkara lain yang tak diingini.

Kerajaan harus berhenti daripada memberi galakan berlebihan terhadap kegiatan berintensifkan buruh. Jalan harus dicari bagi mengurangi industri jenis ini dan satu rancangan jangka panjang harus diperkenalkan bagi mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing. Kilang-kilang juga harus memperkenalkan kemudahan pengeluaran yang berintensifkan modal dan teknologi. Kerajaan juga harus menyediakan rancangan kemungkinan bagi penghantaran balik pekerja asing jika sekiranya berlaku sebarang krisis besar.

Kerajaan patut menyediakan peluang yang lebih baik bagi latihan untuk mengurangkan masalah kekurangan buruh mahir. Tabung Pembangunan Sumber Manusia yang ditubuhkan oleh Kementerian Sumber Manusia harus diperluaskan penggunaannya bagi menyediakan latihan

teknikal dan kemahiran kepada pekerja secara besar-besaran. Dalam ertikata yang sama, syarikat-syarikat harus meningkatkan latihan kemahiran di kalangan pekerjanya. Mereka patut menggunakan institusi latihan yang sedia ada atau sebagai pilihan menubuhkan institusi latihan kemahiran sendiri daripada punca kewangan yang disatukan di kawasan-kawasan perindustrian penting. Syarikat, terutamanya syarikat multinasional dan syarikat tempatan yang besar, patut mengambil sekolah-sekolah atau institut teknikal sebagai anak angkat bagi mempercepatkan pengeluaran buruh mahir.

Akhir sekali, adalah tanggungjawab pihak berkuasa bagi melayan, sama ada penduduk tempatan atau pekerja asing, secara lebih berperikemanusiaan semasa mereka di dalam tahanan polis. Kes terbaharu yang berlaku di kem tahanan sementara Semenyih di mana beberapa orang tahanan meninggal, telah mendapat perhatian seluruh masyarakat.



## V. TENAGA KERJA INDONESIA DI MALAYSIA: KEPERLUAN DAN MASALAHNYA\*

### *Pendahuluan*

**P**ROGRAM pengiriman tenaga kerja Indonesia (TKI) ke luar negeri adalah merupakan sebahagian daripada kebijaksanaan nasional di bidang tenaga kerja dalam usaha untuk memperluas kesempatan kerja, mengurangi pengangguran dan pengembangan sumber daya manusia. Sejalan dengan itu, pemerintah mengembangkan mekanisme penempatan tenaga kerja dan memanfaatkan pasar kerja yang tepat dengan memperhatikan harkat, martabat dan nama baik serta perlindungan tenaga kerja Indonesia di luar negeri.

Untuk mencapai tujuan tersebut, pemasaran tenaga kerja ke luar negeri diprioritaskan bagi tenaga kerja terampil, profesional dan ditempatkan secara formal. Untuk itu, pemerintah Indonesia telah menghentikan pengiriman tenaga kerja tidak terampil dan secara bertahap meningkatkan pengiriman tenaga kerja setengah terampil menjadi terampil dan profesional.

### *Kebijaksanaan Pemerintah Indonesia Dalam Bidang Tenaga Kerja*

Pengiriman TKI ke luar negeri pada Pelita VI (1994/95-1998/99) akan dikonsentrasikan kepada tiga kawasan pasar berpotensi, iaitu Malaysia, kawasan Timur Tengah dan Asia Pasifik. Dalam tempoh 1994/95-1998/99 diupayakan sebanyak 1,250,000 orang akan ditempatkan di berbagai sektor lapangan kerja di luar negeri yang memprioritaskan penempatan TKI terampil dan profesional.

Pemerintah telah berupaya untuk mengadakan peningkatan mutu dan ketrampilan kerja yang dilakukan melalui pendidikan formal dan latihan kerja. Namun, pengembangan di tempat kerja untuk mendapatkan kesesuaian antara hasil pendidikan dan latihan tersebut dengan kebutuhan lapangan kerja merupakan hal yang sangat penting. Sistem latihan kerja nasional yang ditetapkan oleh Menteri Tenaga Kerja memberi pedoman dan arahan untuk pengembangan latihan kerja, baik yang dilakukan oleh lembaga latihan kerja Pemerintah mahupun program latihan yang dilakukan oleh swasta.

---

\* Dibentang oleh Bapak Bachrun Subardjo, Kepala Bidang Ekonomi, Kedutaan Indonesia, Kuala Lumpur



Dengan demikian, jalur yang tidak kalah pentingnya adalah jalur pengembangan di tempat kerja untuk memantapkan profesionalisme yang telah dibentuk melalui pendidikan formal dan latihan kerja yang diarahkan kepada perencanaan dan pengembangan kerjaya pegawai. Jalur-jalur tersebut dimaksudkan untuk membentuk postur manusia Indonesia yang ahli, terampil, memenuhi persyaratan dan mampu menyesuaikan diri dengan kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi.

Sikap dan etos kerja seseorang dipengaruhi oleh pemahaman seseorang terhadap erti dan makna kerja tersebut. Seseorang yang melihat kerja adalah sebagai suatu berkah, sebagai suatu tantangan dan kesempatan, maka ia akan melakukan pekerjaannya dengan penuh rasa syukur, penuh semangat, bergairah dan bertanggung jawab tanpa harus diawasi oleh atasannya atau orang lain yang berfungsi sebagai pengawas. Melakukan kerja dengan disiplin tinggi, tekun dan bertanggung jawab, penuh semangat dan antusiasme, rasa syukur dan bahagia, merupakan sikap dan etos kerja yang perlu dikembangkan untuk suatu kerja yang produktif.

Pengerahan TKI ke luar negeri mempunyai aspek dan tujuan, antara lain, alih teknologi terutama TKI yang bekerja pada projek besar, perluasan kesempatan kerja, peningkatan kualiti tenaga kerja, peningkatan kesejahteraan tenaga kerja beserta keluarganya, peningkatan perlindungan tenaga kerja dan peningkatan penerimaan devisa negara.

Di samping itu, pengiriman TKI ke luar negeri mempunyai aspek hubungan antara negara, iaitu antara negara pengerah dengan negara pengguna jasa TKI. Hal ini bererti, bahawa pengerahan TKI ke luar negeri haruslah dapat meningkatkan hubungana baik antara Pemerintah Indonesia sebagai negara pengerah dengan Pemerintah negara asing sebagai penerima TKI dan bukan sebaliknya.

### ***Tenaga Kerja Indonesia Di Malaysia***

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam tahun 1995 mencapai 9.6% yang bererti meningkat jika dibandingkan dengan pertumbuhan ekonomi tahun 1994 yang hanya mencapai 9.2% dan merupakan pertumbuhan di atas 8% pertahun selama 8 tahun secara berturut-turut. Tingkat inflasi mengalami penurunan dari pada 3.7% tahun 1994 kepada 3.2% tahun 1995 dan hal ini menambah keyakinan Malaysia untuk mencapai inflasi sifar (0%).

Pertumbuhan ekonomi tersebut menyebabkan tetap tersedianya lebih banyak lapangan pekerjaan dibandingkan dengan pertumbuhan tenaga kerja yang ada. Banyaknya peluang pekerjaan menyebabkan tingkat

pengangguran turun menjadi 2.8% (1995) jika dibandingkan dengan tahun 1994 yang mencapai 4%.

Hal-hal tersebut di atas, telah menyebabkan Malaysia merupakan daya tarik tersendiri bagi TKI kerana letaknya yang berdekatan, mempunyai kebudayaan serta bahasa yang hampir sama.

Pengiriman TKI ke Malaysia dewasa ini masih menghadapi beberapa masalah. Antara lain, masih banyaknya pihak-pihak tertentu yang menempatkan TKI ke luar negeri hingga meningkatkan jumlah TKI secara haram, calon TKI belum memahami prosedur penempatan ke luar negeri secara keseluruhan dan masih kurang terampilnya PJTKI dalam mengelola usahanya.

Dalam menghadapi hal-hal tersebut di atas, Pemerintah telah mengadakan penertiban pihak-pihak tertentu tersebut, memberikan penerangan secara berkala ke daerah-daerah yang berpotensi sebagai sumber TKI dan mengadakan pembinaan para PJTKI yang kurang profesional tersebut. Namun demikian, diakui bahawa usaha penertiban pemberangkatan TKI tersebut belum membuahkan hasil yang seperti diharapkan.

### ***Keperluan dan Permasalahan***

Pada tanggal 5 Oktober 1995 di Kuala Lumpur telah dipertukarkan Nota Diplomatik mengenai prosedur pengiriman tenaga kerja Indonesia untuk bekerja di Malaysia atas dasar "G to G" yang isi pokoknya antara lain tentang persetujuan kedua belah pihak untuk menunjuk wakil-wakilnya dalam masalah pengiriman TKI, cara-cara pengambilan, persyaratan dan prosedur yang harus dipenuhi.

Di lain pihak, untuk mengatasi kekurangan tenaga kerja, Pemerintah Malaysia terus berusaha mengalihkan industri yang menggunakan padat karya (intensif buruh) ke industri padat modal (intensif modal) dan teknologi canggih dan menaikkan levi atas pekerja asing kecuali pembantu rumah iaitu:

- a. bagi pekerja asing tanpa kemahiran yang bekerja di sektor pembuatan dan pembinaan dinaikkan dari RM 420 menjadi RM 840;
- b. bagi pekerja asing setengah mahir yang bekerja di sektor manufaktur dan konstruksi dinaikkan dari pada RM 600 menjadi RM 1,200.

Dengan dipertukarkannya Nota Diplomatik tersebut majikan di Malaysia hanya akan merekrut TKI yang masih berada di Indonesia dan dengan dinaikkannya levi tersebut, majikan harus mengeluarkan biaya lebih besar untuk mendapatkan tenaga kerja asing.

Hal tersebut mengakibatkan tertutupnya kemungkinan bagi TKI tidak sah yang sudah berada di Malaysia untuk mendapatkan pekerjaan secara rasmi, para majikan harus membayar levi yang lebih tinggi di samping bertambah sulitnya mendapatkan TKI yang rasmi.

Situasi tersebut telah dimanfaatkan oleh pihak-pihak tertentu dengan mengirimkan TKI secara tidak sah, menerbitkan SPLP dan izin kerja palsu. Di lain pihak bagi para TKI tidak sah yang akan kembali untuk seterusnya menetap di Indonesia atas biaya sendiri mengalami kesulitan kerana Pemerintah Malaysia belum/tidak dapat mengeluarkan check-out memo.

Bagi para TKI tidak sah yang belum tertangkap merasa gelisah dan takut sehingga ketakutan mereka juga dimanfaatkan oleh pihak-pihak tertentu dan kemudian memberangkatkan TKI tidak sah tersebut ke Indonesia melalui Riau dengan menggunakan perahu-perahu kecil yang sangat membahayakan keselamatan TKI tersebut semasa di perjalanan.

### ***Kesimpulan***

Pemerintah Indonesia telah berusaha secara maksimum agar TKI yang dikirim ke Malaysia adalah sah dan sesuai dengan persyaratan yang diperlukan oleh Malaysia. Di lain pihak, Pemerintah Malaysia telah berusaha untuk memperlakukan para yang sah TKI sejajar dengan para tenaga kerja setempat.

Namun demikian, kerana kurangnya maklumat bagi para calon TKI dan lain-lain telah mengakibatkan banyaknya TKI yang menjadi korban oleh pihak-pihak tertentu khususnya bagi para TKI yang tidak sah. Di lain pihak, dengan adanya ketentuan bahawa para majikan hanya diizinkan mengambil TKI yang sah langsung dari Indonesia, telah mengakibatkan jumlah TKI tidak sah di Malaysia relatif tetap kecuali bagi mereka yang dipulangkan secara paksa yang diproses melalui kem-kem tahanan sementara.

Para TKI tidak sah yang masih berdiam di Malaysia dan belum tertangkap, adalah merupakan peluang bagi pihak-pihak tertentu untuk memanfaatkan mereka untuk kepentingan pihak-pihak tertentu tersebut.



**SIRI KERTAS KERJA IKMAS**  
**IKMAS WORKING PAPERS SERIES**

---

<i>Siri/Series</i>	<i>Penulis/Authors</i>	<i>Tajuk/Topics</i>
No.1/Jun 1996	Noraini Othman Mohd Yusof Kasim H.Osman Rani	Pendidikan Nasional Ke Arah 2020: Suatu Tinjauan Strategik
No.2/Jun 1996	Rajah Rasiah	Rent Management in Proton
No.3/Julai 1996	Zulkifli Osman & Osman Rani	Pekerja Asing di Malaysia
No.4/Aug. 1996	Rajah Rasiah	Malaysia's National Innovation System
No.5/Nov. 1996	Maznah Mohamad & Cecilia Ng	New Technologies and Women's Labour: Case Studies of Two Electronics Firms in Malaysia
No.6/Jan 1997	Chris Edwards	Foreign Labour in Malaysian Development: A Strategic Shift?
No.7/April 1997	David A. Sonnenfeld	Explaining Asia-Pacific Pulp Firms' Adoption of Environmental Technologies





